

# **PENGAJARAN BERPASANGAN**

**Satu strategi yg melibatkan dua orang peserta kursus / pelajar bekerjasama merancang P&P, memerhati pengajaran rakan sebaya & memberi maklum balas tentang persediaan & penyampaian pelajaran semasa praktikum.**

# Objektif

Melalui Pengajaran Berpasangan Pelajar (guru pelatih) dapat;

- *Mewujudkan kerjasama di kalangan guru pelatih secara formal berasaskan ungkapan “two heads are better than one”.*
- *Berfikir & berbincang tentang teknik P&P, cara-cara meningkatkan pembelajaran murid & perkara-perkara lain yg berkaitan dgn tugas mereka.*
- *Berlatih & mencuba pelbagai kemahiran P&P.*
- *Mengkaji kelemahan P&P mereka & berikhtiar mencari jalan utk mengatasinya.*
- *Memerhati P&P orang lain & membina kemahiran memerhati serta menilai.*
- *Meningkatkan kreativiti.*

# Garis Panduan

1. Pengajaran berpasangan mengandungi ciri-ciri berikut;

1.1 Peringkat-peringkat perkembangan kemahiran.

- a. Pengurusan bilik darjah & merancang persediaan mengajar.
- b. Kemahiran mengajar.
- c. Menganalisis & mengkaji semula kemahiran mengajar serta mencuba pendekatan , strategi, kaedah, & teknik yg berlainan.

1.2 Proses pembelajaran berlaku melalui ;

- a. Perbincangan
- b. Pemerhatian
- c. Maklum balas

### 1.3 Jenis- jenis interaksi ;

- a. “Tandem” - proses dlm aktivitas pengajaran berpasangan yaitu dua orang guru pelatih / pelajar bersama-sama merancang & mengajar sesuatu pelajaran.
- b. “Berpasukan”- proses interaksi dlm aktivitas pengajaran berpasangan yaitu dua orang guru pelatih/ pelajar bersama-sama merancang pengajaran tetapi mengajar berasingan.
- c. “Individu” – proses interaksi dlm aktivitas pengajaran berpasangan yaitu dua orang guru pelatih berbincang bersama tetapi menyediakan pelajaran & mengajar berasingan.

- 2. Pengajaran berpasangan hendaklah dijalankan pada minggu kedua hingga keempat Praktikum I.**
- 3. Pelaksanaan pengajaran berpasangan adalah tertakluk kpd pertimbangan pihak Jawatankuasa Praktikum, spt menyediakan senarai semak bagi panduan membuat pemerhatian & perbincangan.**
- 4. Penyeliaan pengajaran berpasangan tidak diberi gred.**

# Perkara-perkara Yg Perlu Diberi Perhatian Dlm Pengajaran Berpasangan

- Percanggahan idea perlu diatasi secara profesional.
- Guru pelatih dikehendaki menetapkan masa dan kelas tempat pengajaran berpasangan akan dijalankan.
- Guru pembimbing / pensyarah penyelia memastikan pengajaran berpasangan dijalankan.

***Sekian, Terima Kasih.***